

Headline	Dhaarma optimis gandingan Faizal, Fitri serta Jong Hyun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	45
ArticleSize	265 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 31,318		



Dhaarma optimis gandingan Faizal, Fitri serta Jong Hyun

Kuala Lumpur: Gandingan adik beradik Faizal dan Fitri Saari serta tonggak import Korea Selatan, Jang Jong Hyun kekal menjadi taruhan pengendali Pasukan Hoki Terengganu (THT), Muhammad Dhaarma Raj Abdullah menjelang aksi getir bertemu pendahulu Liga Perdana, Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini.

Dhaarma mengharapkan ketiga-tiga pemain itu termasuk beberapa lagi pemain utama bebas daripada sebarang kecederaan dan dapat meneruskan kudrat mereka sehingga hujung musim.

"Sejak awal membimbing kelab ini saya sudah beritahu THT kali ini bukanlah se-



DHAARMA mengharapkan semua pemain utama THT bebas daripada sebarang kecederaan.

perti beberapa tahun lalu yang diperkuatkan dengan ramai pemain terbaik.

"Pemain seperti Faizal, Fitri dan Jong Hyun menjadi harapan kami untuk mem-

bantu pasukan menjaringkan gol serta meraih kemenangan.



Sejak awal membimbing kelab ini saya sudah beritahu THT kali ini bukanlah seperti beberapa tahun lalu yang diperkuatkan dengan ramai pemain terbaik"

Muhammad Dhaarma Raj

"Begitulah juga apabila bertemu TNB esok (hari ini). Mereka mempunyai pemain kebangsaan yang konsisten di setiap posisi. Mereka juga mempunyai penjaga gol terbaik (S Kumar). Ini adalah

perbezaan besar antara kami dengan TNB," katanya.

Selepas sering dianggap selaku antara pasukan terkuat liga, Dhaarma lebih gemar untuk barisan pemainnya dilabel sebagai pasukan bukan pilihan apabila bertemu TNB.

"Pemain yang duduk di bangku simpanan TNB juga bagus. Mereka mempunyai banyak pilihan.

"Memang sukar untuk meraih tiga mata penuh tetapi kami tidak mahu mudah berputus asa," katanya.

Selepas empat perlawanan liga, THT kini menduduki tangga ketiga dengan sembilan mata, ketinggalan tiga mata di belakang TNB yang memimpin liga.